

24 NOV 2001

Mahathir-ICT

NEGARA-NEGARA MISKIN AKAN RUGI JIKA GAGAL MANFAATKAN ICT

PUTRAJAYA, 24 Nov (Bernama) -- Negara-negara yang tidak memanfaatkan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) akan ketinggalan di belakang negara yang berbuat demikian serta menerima kesan yang buruk pada masa depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Mereka akan berada jauh di belakang, kurang pengetahuan dan maklumat serta tidak mampu membuat apa-apa keputusan kerana tidak mempunyai maklumat. Negara yang mempunyai maklumat adalah mereka yang akan mendapat manfaat sepenuhnya daripada era Maklumat ini," katanya.

Katanya, keengganan sesetengah negara untuk menerima ICT akan menambahkan jurang antara negara kaya dan miskin dengan negara yang tidak memberi perhatian serius kepada ICT kebanyakannya adalah negara miskin.

"Satu perkara yang kita pelajari daripada projek Koridor Raya Multimedia ialah untuk merapatkan jurang digital, kita memerlukan banyak wang" katanya kepada pemberita selepas melancarkan Asiaspace Dotcom Sdn Bhd di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Asiaspace Dotcom adalah sebuah syarikat yang berdaftar di Malaysia dan memegang lesen sebagai pembekal kemudahan sistem WorldSpace di negara ini iaitu sebuah sistem perkhidmatan penyiaran digital audio satelit.

Beliau berkata negara-negara kaya dengan mudah dapat melebarkan penggunaan Internet, komputer dan satelit kerana mampu berbuat demikian tetapi Malaysia tidak jauh ketinggalan berbanding negara-negara membangun yang lain.

Dr Mahathir berkata kos bagi mengatasi jurang tersebut adalah tinggi kerana perisian dan perkakasan komputer bukannya murah.

"Tanpa perkakasan, usaha membuat perubahan kepada masyarakat adalah sukar, jadi masalah utama mengatasi jurang digital ialah mengenai kos," katanya.

Mengenai peranan sektor swasta dalam membantu rakyat Malaysia lebih mahir dengan ICT, beliau berkata mereka juga mempunyai peranan untuk membantu orang ramai celik komputer dan teknologi.

Katanya, mereka patut menyedari bahawa jika ramai anggota masyarakat lebih mahir dengan ICT, maka ia akan lebih memanfaatkan mereka berdasarkan produktiviti dan kualiti.

"Kerajaan berbelanja besar bagi membolehkan rakyat celik komputer tetapi syarikat-syarikat juga sedar bahawa masyarakat yang celik komputer adalah baik untuk mereka kerana perniagaan akan lebih baik dengan pekerja berpengetahuan," katanya.

Menjawab pertanyaan apakah yang dilihatnya pada masa depan Kuala Lumpur ekor pertumpuan teknologi, Dr Mahathir berkata ia akan menjadi bandaraya yang dilengkapi prasarana secukupnya untuk komunikasi.

"Kita akan mempunyai orang yang berpengetahuan dan saya percaya akan ada orang yang seolah-olah bercakap bersendirian kerana telefon bimbit terbaru mereka yang hanya kelihatan bergayut di telinga...ia kelihatan ganjil tetapi mereka sebenarnya berkomunikasi," tambahnya.

-- BERNAMA

SR NZ MOZ